



LIPUTAN KHAS

SPECIAL COVERAGE

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Negara-negara Asia perlu merasa bimbang terhadap risiko dasar perlindungan perdagangan yang diperjuangkan oleh Amerika Syarikat (AS) dan menangani isu itu daripada hanya sekadar menganggapnya sebagai kes terpencil bagi negara tertentu. Pakar ekonomi menyatakan perang perdagangan antara China dan AS akan membawa kesan kepada negara-negara berorientasikan eksport seperti

terkandung dalam kempen 'Amerika First' (Amerika Didahulukan) Presiden Donald Trump. Pada masa akan datang, AS menimbang untuk mengenakan tarif tinggi dan/atau kuota import bagi keluli dan aluminium daripada pelbagai negara termasuk China, dan China telah memberi amaran akan bertindak balas sekiranya tarif logam itu dikenakan. Persoalan utamanya adalah, adakah langkah-langkah ini akan menandakan bermulanya ketegangan perdagangan

dasar perlindungan. "Kita tidak boleh melihat ini hanya sebagai pertelingkahan antara dua negara; prinsip-prinsip asas sedang dipertaruhkan di rantau ini," katanya kepada Bernama di sini semasa ditemui di luar Simposium Pasaran Mpdal Dunia yang berlangsung baru-baru ini. Dalam Asia, China dijangka menjadi negara paling memberikan fokus terhadap pentadbiran Trump, memandangkan defisit perdagangan AS dengan China, setakat ini, merupakan



Malaysia, Hong Kong dan Thailand. AS pada bulan lepas mengumumkan ia akan mengenakan tarif import 30 peratus ke atas panel solar yang akan menjejaskan terutamanya pengeksport dari China, Korea Selatan dan Malaysia. Pengenaan tarif import antara 20 dan 50 peratus ke atas mesin basuh juga akan menjejaskan pengeksport Korea Selatan. Hujahan utama bagi langkah-langkah ini adalah untuk melindungi industri domestik, antara elemen yang

yang serius antara AS dan China? Ketua Ekonomi Deutsche Bank AG Global Dr Michael Spencer berkata Malaysia amat memerlukan persekitaran dagangan global dan serantau yang liberal untuk mengembangkan perdagangannya. "Saya rasa agak sukar bagi orang ramai untuk memahami betapa kompleks dan saling berkaitannya rantai pengeluaran di Asia. Ini adalah sesuatu yang kerajaan amat memahami apabila kita membicarakan mengenai risiko

yang terbesar lebih US\$344 bilion (RM1.34 trilion) dari tempoh Januari hingga November tahun lepas. Trump, yang dipilih sebagai Presiden AS Ke-45 lebih setahun lepas sering menyatakan bahawa defisit perdagangan adalah sebagai kad skor ekonomi dan petanda kelemahan ekonomi. "Aspek dasar perlindungan yang paling membimbangkan adalah Seksyen 301 daripada Akta Perdagangan AS 1974, yang diperkenalkan oleh pentadbiran



AS Ogos lepas,” kata Spencer. Seksyen 301 memberi kuasa kepada Presiden AS untuk mengambil tindakan sewajarnya, termasuk tindak balas, untuk mendapatkan penghapusan sebarang akta, dasar atau amalan kerajaan asing yang melanggar perjanjian perdagangan antarabangsa atau yang tidak adil atau diskriminasi, dan yang membebankan atau membatasi perdagangan AS.

Pakar Ekonomi Kanan BNP Paribas Asset Management bagi China, Chi Lo, menganggap pertelingkahan AS-China sebagai “pendirian politik” dan bukannya kedua-dua negara itu benar-benar mahu bergaduh antara satu sama lain. Lo berkata rantaian bekalan global akan terjejas dengan peningkatan dasar perlindungan perdagangan AS dan akan menjejaskan pasaran sedang pesat membangun, terutamanya di Asia, berikutan pergantungan besar negara-negara itu kepada eksport ke pasaran AS. Beliau berkata dasar perlindungan perdagangan yang dikenakan oleh Trump boleh jadi merupakan sebahagian daripada strategi untuk mengalihkan perhatian daripada isu-isu politik, termasuk siasatan campur tangan Russia dalam pilihan raya AS 2016.

“Satu perkiraan mudah yang saya lakukan adalah untuk bertanya sama ada akan ada perang perdagangan besar-besaran antara AS dan China, yang juga akan menjejaskan pasaran sedang pesat membangun Asia kerana kita di sini berorientasikan eksport. Siapa yang akan lebih terjejas? “Sudah

tentunya dari segi perdagangan, China dan AS boleh membalas balik bagi tarif, tetapi dari segi pelaburan Amerika mempunyai lebih banyak pelaburan di China berbanding pelaburan China di AS. “Jadi saya yakin sekiranya Beijing mahu meningkatkan lagi serangan perdagangannya terhadap AS mereka akan mengenakan pelbagai halangan perdagangan dan sekatan lain ke atas pelaburan AS di negara mereka, yang bermakna pelabur AS akan lebih terjejas berbanding pelabur China,” katanya. Menurut laporan, pelaburan China di AS mencecah paras paling tinggi berjumlah US\$53.9 bilion (RM210.3 bilion) pada 2016, melonjak 359 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, Pakar Ekonomi Kanan ABN-AMRO Bank N.V. Arjen van Dijkhuizen berkata dalam nota penyelidikannya, perang

perdagangan besar-besaran antara China dan AS kemungkinan besar tidak akan berlaku memandangkan saling pergantungan bersama yang kukuh antara kedua-dua negara, apatah lagi China merupakan pemegang utama Perbendaharaan AS.

Namun, katanya, peningkatan pertelingkahan perdagangan itu akan membawa risiko negatif kepada negara-negara Asia lain, yang model pertumbuhannya berdasarkan kepada rantaian bekalan global. “Sejujurnya, kami (ABN-AMRO) telahpun menjangkakan perbalahan perdagangan akan memuncak tahun ini sewaktu pelan cukai AS mula dilaksanakan dan pilihan raya pertengahan penggal AS semakin menghampiri. “Dalam andaian kami, kami masih tidak menjangkakan sebarang perang perdagangan besar-besaran antara AS dan China, tetapi perkembangan semasa nampaknya menunjukkan risiko dasar perlindungan perdagangan semakin meningkat,” kata Dijkhuizen.

Walaupun negara-negara sedang pesat membangun Asia dijangka kekal menjadi enjin pertumbuhan global dengan pertumbuhan kira-kira 6.0 peratus, peningkatan dasar perlindungan perdagangan jelas akan memberikan risiko negatif terhadap rantau berorientasikan eksport ini, katanya.

-- BERNAMA

